

sebagai sebahagian daripada undang-undang diri mereka. Dalam hal ini didapati seorang kanak-kanak diambil sebagai anak angkat oleh sepasang suami isteri dan apabila si suami meninggal, si isteri berhak ke atas penjagaan kanak-kanak itu.

BAB KEEMPATSistem Pembahagian Harta dan Perwarisan^cAdat Temenggong.

Pengertian harta bagi orang-orang Barat ialah apa-apa benda samaada benda itu nyata atau tidak nyata, samaada ianya boleh kita milik atau ianya dapat dijadikan sebagai hak milik. Adapun air laut, air sungai, udara dan kawasan keliling adalah merupakan hak bersama. Dengan itu tidak boleh dijadikan hak individu.^I

Manakala pengertian dalam Islam pula ialah sesuatu itu tidak dinamakan harta melainkan harta itu mempunyai nilai yang dapat dijual beli dan boleh berlaku kerosakan ke atasnya.²

^IAmericana Corporation, The Encyclopedia Americana, Vol. 22, (U.S.A. : Manufactured in U.S.A., t.t.), h. 660.

²Jalaluddin al-Sayūtī, al Ahsbah Wan Nazā'ir, (al-Qāhirah : Matba'ah Mūstaffa al-Bābi al-Halabi wa Aulāduhu, 1934), h. 382.

Pada umumnya hal yang berhubungan dengan harta iaitu samaada harta pusaka, harta carian laki-bini, harta bujang dan lain-lain dalam ^cAdat Perpatih adalah sama dengan ^cAdat Temenggong. Tetapi sistem pembahagian harta dalam ^cAdat Temenggong mengikut sistem " patrilineal " iaitu lebihutamakan lelaki daripada perempuan. Ini berlawanan dengan ^cAdat Perpatih yang mengikut sistem " matrilineal " iaituutamakan perempuan daripada lelaki.

Harta mengikut ^cadat Melayu terbahagi dua katagori iaitu:³

i- Harta pusaka, bererti barangan atau harta yang diwarisi.

ii- Harta carian, iaitu harta yang didapati dari usaha sendiri.

³E.N.Taylor, " Customary Law of Rembau," JMBRAS, Vol. VII, (Singapore: Malaya Publishing House Limited, 1929), h. 14 & 31.

Harta carian ini pula dibahagikan pada dua
iaitu:⁴

i- Harta carian laki-bini atau harta sepen-
carian iaitu harta yang diperolehi bersama semasa
berkahwin.

ii- Harta carian bujang atau harta sebelah
iaitu harta yang diperolehi oleh orang yang belum
kahwin samaada lelaki atau perempuan.

Sistem Pembahagian Harta ^cAdat Temenggong secara
umum:-

a- Harta Pusaka :

Pada asalnya hal-hal mengenai harta adalah
berdasarkan pada ^cadat atau suku iaitu sebelum keda-
tangan orang-orang Inggeris ke Tanah Melayu, pemerin-
tah-pemerintah Melayu ketika itu adalah beragama Islam
tetapi mengenai dengan harta mereka lebih mengikut
^cadat Melayu lama.

Sir William Maxwell telah mencatatkan bahwa di negeri Perak harta-harta yang berbentuk tanah dan rumah diberikan pada anak-anak perempuan manakala anak lelaki mendapat harta yang lain. Jika kaum lelaki hendak memajukan tanah itu mereka bolehlah berkahwin dengan perempuan-perempuan yang mempunyai harta tanah itu.⁴

Pada mulanya mini Mesyuarat Negeri Perak telah diperuntukkan bahawa seorang suami mestilah mengadakan sebuah rumah yang sesuai untuk isterinya berlindung atau tinggal. Apabila berlaku perceraian rumah itu merupakan kepunyaan isterinya.⁵

Menurut U.Mn. dari Perak segala bentuk harta adalah merupakan kepunyaan bersama antara suami dan isteri contohnya seperti sawah padi, kebun dan tanah pusaka dibahagi bersama kepada kedua-duanya.

⁴

Ahmad b. Mohammad Ibrahim, "Islam & Adat,"

h. 63.

⁵Ibid., h. 63.

Manakala harta yang cepat musnah (harta layuan) ia dibahagikan pada suami sebanyak $2/3$ dan pada isteri sebanyak $1/3$ dan jika mereka mempunyai seorang anak maka satu bahagian kepunyaan bapa diberi pada anak.⁶

Jika mereka mempunyai dua orang anak lelaki dan perempuan maka harta pusaka itu dibahagi pada tiga bahagian iaitu satu pada lelaki dan dua kepada perempuan. Perempuan mendapat rumah, pakaian dan barang-barang perhiasan. Binatang-binatang ternakan dibahagikan pada kedua-dua mereka.⁷

Dari sini didapati bahawa kaum perempuan mempunyai keistimewaan. Sistem seperti ini hampir sama dengan sistem yang dipakai oleh Adat Perpatih tidak seperti yang terdapat di dalam Islam yang mana dalam Islam lelaki, lebih diberi keutamaan daripada

⁶Winstedt, " An Old Mirangkabau Legal Digest from Perak, " fasal I4.

⁷Ibid., fasal II5.

perempuan sebab kaum lelaki mempunyai tanggung jawab yang lebih besar dan berat.

Pada tahun 1886 Majlis Negeri Perak telah mengarahkan tanah kepunyaan Ketua Utama Tengku Long Ja'afar diserahkan pada kaum perempuan. Hal seperti ini berlaku sehingga datangnya pengaruh Islam. Dengan adanya agama Islam dapatlah menghindarkan perselisihan mengenai dengan harta.⁸

Persoalan mengenai dengan harta pusaka selalu menjadi persengketaan antara seorang wanita dan anaknya. Perkara seperti ini dapat diatasi dengan adanya perjanjian di mana janda menerima lebih sedikit hasil daripada perkongsiannya mengikut undang-undang Islam.

Di zaman pertengahan masyarakat Melayu kekurangan teks-teks lama dalam bahasa Melayu terutamanya

⁸Ahmad Mohammad Ibrahim, "Islam & Adat, " h. 63.

mengenai dengan undang-undang pusaka Islam khususnya. Meskipun begitu terdapat satu teks Melayu yang penting mengenai undang-undang pusaka Islam. Buku itu ditulis mengikut doktrin Mazhab Shafi^ci.⁹

Dalam beberapa perkara ^cAdat Temenggong menggunakan kedua-dua hukum ^cadat dan hukum Islam. Unpamanya harta sebenar seperti tanah pertanian dibahagikan mengikut undang-undang Melayu lama dan harta perseorangan dibahagikan mengikut Islam. Contoh yang lain ialah dalam hal kematian suami maka harta bersama biasanya dibahagikan antara isteri dan suami sama banyak dan bahagian suami yang meninggal itu kemudiannya boleh dibahagikan mengikut hukum Islam.¹⁰

⁹ Othman Ishak, Hubungan antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang ^cAdat, h. 63.

¹⁰ Sir, W.E. Maxwell, Customary Law of Minangkabau, (London : Library of Royal Asiatic Society, t.t.), h. 96.

Gambaran yang lain yang menunjukkan tentang kedua-dua hukum Islam dan ^Cadat, digunakan ialah seperti:-

a- Di kala kematian seorang petani maka balunya adalah berhak suatu bahagian yang istimewa daripada hartanya sebagai bahagian dalam harta sepen- carian kecuali dengan syarat menjadikan untuknya " inter-vivos " (berkuat kuasa pada masa hidupnya), dengan mendaftarkan tanah mengikut namanya. Jika, si mati tiada anak dan harta sedikit maka ia boleh mengambil semuanya dan dalam hal-hal lain ia mengambil $\frac{1}{2}$ atau kurang lagi menurut keadaan.

b- Baki dari harta itu adalah dibahagikan mengikut hukum Islam, tetapi sebanyak mana bahagian istimewa balu itu ditentukan oleh budi bicaranya sendiri, bahagiannya yang $\frac{1}{8}$ atau $\frac{1}{4}$ boleh dijadikan perhatian dalam menilai bahagian yang istimewa itu.^{II}

^{II}E.N.Taylor, " Inheritance in Negeri Sembilan, " JMBRAS, Vol. XXI, Pt. 2, (Singapore: Malaya Publishing House Limited, 1948), h. 50 cf. Ahmad b. Mohammad Ibrahim, " Islam Customary Law in Malaysia, " h. 64.

Kesimpulannya sistem pembahagian harta pusaka ^CAdat Temenggong adalah berbentuk " patrilineal " tidak " matrilineal " maka sesuai dengan hukum Islam yang dianggap cenderung kepada sistem " patrilineal " kerana memberi keutamaan pada lelaki daripada perempuan. Bagi seorang yang meninggal dunia dan tiada waris maka hartanya diserahkan kepada Raja atau qādī yang mana dalam Islam dikatakan sebagai perbendaharaan (baitul-mal).^{I2}

b- Harta Sepencarian:

Pengertian harta sepencarian mengikut ^CAdat Melayu ialah harta yang diperolehi semasa perkahwinan atas usaha bersama. Kenyataan ini diperkuatkan oleh pendapat Jawatan Kuasa pada qādī Besar dan qādī Pahang pada tahun 1930, di mana dinyatakan bahawa harta sepencarian menurut ^Cadat Pahang adalah harta yang di-

^{I2}Thomas Partick Hughes, Dictionary of Islam, D.D.M.R.A.S., (Lahore: Primier Book House, Publisher & Book Seller, Anakali, 1964), h. 35.

perolehi atas usaha-usaha bersama antara suami dan isteri.^{I3}

Mengikut hukum ^cadat orang-orang Melayu menggunakan perkataan " harta sepencarian " adalah sama dengan istilah " harta syarikat." Tetapi apabila dihubungkan dengan harta syarikat dalam Agama Islam antara kedua-duanya adalah mempunyai perbezaan yang jelas.^{I4} Perbezaan ini dapat dari difinasi di bawah ini.

Menurut hukum ^cadat, harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama dalam masa perkahwinan pasangan suami isteri.^{I5} Menurut istilah hukum fiqah pula, yang dimaksudkan dengan " syarikat " itu ialah perjanjian yang menetapkan hak dalam sesuatu bagi dua orang atau lebih, yang mana syarikat ini adalah ter-

^{I3}E.N.Taylor, "Malay Family Law," JMERAS, Vol. XV, Pt. I, (Singapore: Malaya Publishing House Limited, 1929), h. 14 & 31.

^{I4}Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, h 169.

^{I5}E.N.Taylor, " Malay Family Law, " h. 42.

letak di dalam bahagian muamalat, khususnya dalam bidang ekonomi.^{I6}

Perbezaan antara keduanya juga boleh didapati di dalam minit Majlis Negeri Perak bertarikh 2 hb. Jun, 1922, yang mengatakan bahawa : ^{I7}

" Sejak kematian Sutlan Idris lagi, ulamak-ulamak di Perak mengatakan bahawa harta sepencarian tidak sama dengan syarikat ialah perkataan Arab yang bererti " perkongsian." Oleh itu harta yang diperolehi semasa kahwin tidak boleh dipanggil " syarikat " kecuali ada perjanjian bertulis atau lisan mengenainya. "

Dengan kenyataan di atas dapat difaham bahawa harta sepencarian boleh dikatakan juga sebagai harta syarikat, kalau ada perjanjian antara kedua pasa-

^{I6}Hj. Hassan Salleh, Pengajian Ilmu Fiqah, (Kelantan: PAP, 1973), h. 38.

^{I7}E.N.Taylor, " Malay Family Law," h. 41.

ngan suami isteri mengenai harta tersebut.

Ada pendapat mengatakan bahawa harta sepencarian itu sebagai harta syarikat. Ini dapat dilihat dari kes Wan Manhutan lwn. Hj. Abd. Samat.^{I8} Kes ini diputuskan dalam tahun 1924 yang berhubung dengan seorang isteri yang telah diceraikan yang menuntut setengah daripada tanah berdasarkan bahawa itu adalah sebagai harta syarikat menurut Islam. Adalah diputuskan di dalam pembicaraan yang pertama bahawa dia, ataupun bekas isteri itu berhak menerima setengah bahagian tanah tersebut dan keputusan ini telah diterima apabila diulang bicarakan.

Kesimpulannya harta sepencarian pada asalnya adalah harta yang diperolehi bersama semasa berkahwin atas usaha bersama dan dapat dibahagikan seperdua jika bercerai, baik cerai mati maupun cerai hidup.

^{I8} Ibid., h. 41 - 42.

Pembahagian Harta Sepencarian:-

Perlu dimaklumkan bahawa harta sepencarian ini biasanya adalah merujuk kepada jenis harta-harta yang tak alih khususnya tanah.

Walau bagaimanapun, di Semenanjung Malaysia pembahagian harta sepencarian pada umumnya adalah tidak sama di antara satu kes dengan kes yang lain. Ini adalah berdasarkan kepada faktor yang berkaitan mengenai harta sepencarian itu sendiri untuk menentukan sebanyak mana bahagian yang patut diterima oleh masing-masing dalam satu pasangan itu.

Di sana terdapat satu sistem yang berbeza dalam pembahagian harta bersama ketika bercerai, di mana suami dapat menerima $\frac{1}{3}$ daripada harta, manakala isteri terima $\frac{2}{3}$. Sistem ini hanya diamalkan bila suami menceraikan isterinya yang tidak bersalah.^{I9}

^{I9} Ahmad Ibrahim, The Muslims in Malaysia & Singapore, The Law of Matrimonial Property, ed. J.N.D. Anderson, Family Law in Asia & Africa, (London: s.n., 1968), h . I90.

Tentang pembahagian harta di Negeri Perak menurut Majlis Negeri Perak 1907, memperuntukan bahawa pembahagian " harta sepencarian," (tanah yang didapati semasa kahwin) apabila terjadi perceraian, pihak suami menerima dua bahagian dan pihak isteri mendapat sebahagian.²⁰ Dari sini kita dapati sudah terdapat tolenrasi di antara undang-undang^c adat dengan undang-undang Islam, di mana di antara prinsip umum cara pembahagian harta dalam Islam berdasarkan firman Allah:²¹

"يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلزَّكَوٰةِ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثٰى"

Maksudnya:

" Allah mensyariatkan bagi mu tentang (pembahagian pusaka) untuk anak-anak mu. Iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan. "

²⁰R.O.Winstedt, "Old Malay Legal Digest & Malay Customary Law, JRAS, Part I & 2, (London: s.n., 1945), h. 28.

²¹al-Qur'ān, Sūrah an-Nisa', 4 : II.

Mengikut undang-undang ^Cadat Melayu Lama Perak iaitu U.99 dari Perak, membuat pembahagian tentang harta sepencarian ketika bercerai.²²

" Jika perceraian itu atas permintaan suami dan tiada kerelaan pada perempuan, maka ia mestilah menyediakan nafkah untuk selama 3 bulan dan harta persendirian akan dibahagi. Senjata dan alat-alat dari besi jatuh kepada suami bekas-bekas tembaga dan perkakas-perkakas rumah-rumah dan kebun adalah diberi kepada isteri. Hutang-hutang dan cukai kepada suami. "

Jika perceraian berlaku kerana keburukan perangai perempuan iaitu sama ada kerana zina atau cuai melayani suami di tempat tidur, atau enggan membuat kerja, kebajikan dan enggan sembahyang

²²J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak ", fasal 31, h. 66.

ia hanya hilang tempat tinggalnya sahaja dan undang-undang mengatakan bahawa suami mesti membayar paha (sejumlah emas).

" Jika si perempuan meminta cerai, sekiranya ia 3 kali menjumpai keburukan perangai pihak suami, ia tentunya mendapat cerai, tetapi ia mestilah menebus dirinya dengan memulangkan tempat tinggal manakala harta yang boleh berpindah terserah kepada suami. "

Pada masa sekarang negeri Perak telah mempunyai satu peruntukan khas bahawa seorang perempuan atau lelaki yang telah bercerai boleh membuat permohonan ke Mahkamah Syar'iyah untuk mendapat satu keputusan mengenai harta sepencarian terhadap bekas suaminya atau isterinya. ²³

²³Enakmen Perak, fasal 138 (3).

Dalam kes Teh Rasim lwn. Neman,²⁴ telah dinyatakan bahawa perempuan yang telah bercerai yang memang telah menolong suaminya menjayakan tanah semasa dalam perkahwinan mendakwa $\frac{1}{2}$ daripada nilai tanah tersebut.

Telah diputuskan bahawa isteri sungguhpun telah didapati bersalah kerana melakukan zina mempunyai hak terhadap harta ini mengikut sejauhmana diputuskan oleh minit Mesyuarat negeri Perak.

Walau bagaimanapun tuntutan terhadap harta yang seumpama ini tidak boleh di Negeri-negeri Selat. Ini dapat dilihat dari kes Tijah lwn. Mat Alli.²⁵ Kes ini diputuskan di Pulau Pinang pada 1884. Dalam kes ini suami dan isteri telah berkongsi sewa tanah asil daripada pendapatan jualan mereka. Bila berlaku perceraian isteri telah menuntut $\frac{1}{2}$ daripada nilai

²⁴Taylor, " Malay Family Law, " h. 18.

²⁵Ibid., h. 15. \

tanah atas alasan sebagai harta sepencarian. Qādī telah menyatakan bahawa, menurut Undang-undang Islam seorang isteri yang diceraikan berhak mendapat $\frac{1}{2}$ daripada harta sepencarian. Tetapi bila diulang bicara keputusan qādī itu telah tidak diterima, atas alasan bahawa hal-hal mengenai harta adalah diputuskan mengikut " English Law ".

Terdapat juga satu praktik ^cadat di setengah-setengah bahagian di negeri Perak dan Trengganu, dimana seorang isteri yang diceraikan berhak menuntut separuh bahagian tanah yang didapati semasa berkahwin. Ini hanya diberikan bila si isteri menolong suaminya bercucuk tanam di tanah itu. Jika tidak ia hanya berhak mendapat $\frac{1}{3}$ sahaja. Sistem ini juga diamalkan ketika suami meninggal. Harta yang baki jatuh kepada anak-anak si mati tanpa mengira sama ada mereka anak-anak balunya yang masih hidup atau dari isteri-isteri lain.²⁶

²⁶R.O.Winstedt, Old Malay Legal Digest & Malay Customary Law, h. 28.

Menurut E.N.Taylor, seorang balu atau janda boleh menerima 1/8 daripada harta peninggalan suaminya sebagaimana dalam hukum Syara'.²⁷

Di negeri Selangor, undang-undang Islam dilaksanakan dalam pembicaraan mengenai harta sepen- carian ini. Ini dapat dilihat dalam kes Ramah lwn. Laton.²⁸ Dalam kes ini si isteri menuntut separuh bahagian daripada tanah suaminya. Tuntutan si isteri adalah berdasarkan bahawa harta tersebut adalah harta syarikat. Dua orang qādī menjelaskan bahawa harta syarikat dalam Islam hendaklah dibahagi dua. Kemu- dian diputuskan bahawa si isteri menang dalam tuntu- tannya dan ia mendapat separuh daripada harta terse- but. Walau bagaimanapun keputusan ini mendapat ten- tangan dan diulang bicara. Alasan yang dibuat ialah dengan mengatakan bahawa qādī itu lebih menggunakan bukti lisan, yang mana bukti lisan ini adalah dianggap

²⁷E.N.Taylor, " Malay Family Law, " h. 42.

²⁸(1972) 6 F.M.S.L.R., h. 128.

tidak sah. Bila dilihat dari keputusan yang dibuat oleh qādī itu seolah-olah undang-undang Islam di-ketepikan tetapi mementingkan undang-undang ^cadat. Akhirnya keputusan tentang kes ini adalah terpulang kepada " Ruler in Council ".

Kes di atas juga menerangkan bahawa pasangan yang berpisah disebabkan cerai mati adalah tidak menghalang salah seorang daripada pasangan itu untuk menuntut haknya dalam harta sepencarian.

Selain daripada tanah, rumah juga adalah boleh dituntut dalam pertikaian harta sepencarian. Ini dapat dilihat dalam kes Robert alias Kamarulzaman lwn. Ummi Kalthom.²⁹ Dalam kes ini si menuntut iaitu Kamarulzaman telah menceraikan isterinya. Ia telah menuntut separuh daripada harta (rumah) di Setapak Kuala Lumpur yang didapati bersama dalam masa perkahwinan mereka dengan harga \$ 40,000.00 adalah sumbangan

²⁹M.L.J. (1966), 163 - 167.

daripadanya. Cuma \$ 10,000.00 sumbangan daripada pihak isteri dan didaftarkan atas nama isteri (pihak yang kena tuntutan). Si isteri telah membela diri dengan mengatakan bahawa harta itu bukan harta sepencarian. Akan tetapi tidak dapat membuktikan bahawa adanya niat dan pihak yang menuntut (suami) menghadiahkan harta itu kepadanya. Oleh itu suami berjaya dalam tuntutananya.

Dari kes di atas juga kita dapati pihak suami boleh menuntut setengah bahagian sebagai harta sepencarian yang tidak boleh berpindah oleh kedua suami isteri semasa perkahwinan dan kenyataan bahawa tanah telah didaftarkan atas nama isteri tidak menghalang bagi si suami menuntut haknya. Tanah yang didaftarkan itu tidak mempengaruhi perkara yang bersangkutan dengan harta sepencarian.

Dalam kes Hj. Ramah lwn. Alpha,³⁰ iaitu kes

³⁰(1924) F.M.S.L.R. , 179.

dari Selangor. Dalam kes ini diputuskan bahawa balu berhak menerima $\frac{1}{4}$ daripada nilai tanah yang ia telah menolong menjayakannya sebagai upah di atas pekerjaan yang telah dilakukan. Ini adalah sebagai tambahan kepada $\frac{1}{4}$ bahagian hartanya di dalam harta si mati itu.

Di negeri Selangor serta lain-lain negeri seperti Trengganu, Pulau Pinang, Melaka, Perlis dan Kelantan kuasa mengenai tuntutan pembahagian harta sepencarian dan segala-galanya yang berhubung dengan harta sepencarian adalah terpulang kepada Mahkamah Qādī.^{3I} Tapi sejauhmana benarnya kenyataan ini adalah dipertikaikan.

Mengenai harta sepencarian di Pahang, ianya adalah ditetapkan oleh ^Cadat Pahang. Isteri yang diceraikan boleh menuntut harta sepencarian, tapi tidak ada peraturan yang tetap berapakah bahagiannya. Ia

^{3I}Enakmen Selangor, fasal 45(3), Enakmen Pulau Pinang & Melaka, fasal 40(3), Enakmen Trengganu, fasal 25(I), Enakmen Perlis, fasal II dan Enakmen Kelantan , No. I, fasal 48(I).

boleh mendapatkan samada sama banyak atau tidak sama banyak ataupun ia boleh menentukan itu merupakan satu pemberian atau ditentukan oleh qādī.³²

Dalam kes Hj. Saemah lwn. Hj. Sulaiman,³³ merupakan kes yang pertama selepas perang. Seorang janda mendakwa bahawa pembahagian harta sepencarian adalah mengikut 'adat orang-orang Melayu Pahang. Tetapi dakwaannya gagal kerana dua sebab:-

Pertama: semua qādī berpendapat bahawa 'adat yang sebegitu tidak ujud dan undang-undang Islam hanya menyediakan cara pembahagian harta si mati. Jelasnya 'adat Pahang 1927 itu telah dilupakan dan tidak diambil perhatian juga tidak disentuh langsung dalam membicarakan kes ini.

Kedua: ialah kerana undang-undang Inggeris yang sangat berpengaruh di mana membuktikan bahawa

³² E.N.Taylor, " Malay Family Law," h. 73.

³³ (1939) M.L.J. 108.

tiada ^Cadat yang diperkenalkan.

Manakala kes yang terkemudian daripada kes di atas adalah diterima dan diputuskan mengikut ^Cadat Pahang. Ini dapat dilihat dalam keputusan kes Teh binti Cik lwn. Kalsom binti Hj. Abbas,³⁴ di mana tuntutan untuk harta sepencarian diterima.

Dalam kes ini, Kalsom telah berkahwin dengan seorang lelaki di Beserah Pahang lebih kurang pada tahun 1928. Sebelum berkahwin suami Kalsom itu memiliki 3 bidang tanah. 2 bidang daripada tanah itu di-punyai tanpa mengerjakannya. Ini bermakna satu sahaja hasil usaha daripadanya. Kedua-dua mereka bekerjasama mengusahakan kedua-dua bidang tanah ini. Bila suaminya meninggal dunia Kalsom telah menuntut sebahagian daripada harta itu sebagai " harta sepencarian. "

³⁴(1939) M.L.J. 289.

Telah diputuskan bahawa, harta sepencarian adalah harta yang dikerjakan bersama atau diperolehi bersama selepas perkahwinan bukan sebelum perkahwinan. Jika suami atau isteri mengerjakan tanah yang didapati sebelum berkahwin, maka mereka tidak boleh menuntut harta itu sebagai harta sepencarian tetapi mereka boleh menuntutnya sebagai " upah " terhadap pekerjaan yang telah dilakukan.

Di Kelantan, dalam perhimpunan mesyuarat " Council " (Majlis) Sultan Mohammad yang keempat mengatakan:-³⁵

" Jika suami isteri yang memiliki harta sepencarian (tanah), salah seorang boleh menuntut sama ada setelah bercerai atau pada masa laki-bini ke Mahkamah Syar'iah membahagikan tanah tersebut setelah disiasat secara mendalamnya.

³⁵(1950) M.L.J. 64.

Lepas itu Mahkamah Syar'iah hendaklah menghantar satu salinan surat ke Pejabat Tanah Kota Baharu untuk mengeluarkan surat milik. Jika salah seorang tidak berpuas hati dengan pembahagian itu ia boleh merujuk ke Mahkamah yang lebih tinggi. "

Tuntutan harta sepencarian boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi, tapi jika nilai harta yang dituntut kurang daripada \$ 500.00 akan diputuskan oleh Mahkamah Qādī dan ketua Qādī.

Dalam kes Hujah Lijah binti Jamal lwn. Fatimah binti Mat Diah,³⁶ pihak yang menuntut ialah seorang janda Hj. Che Mis bin Samad, telah menuntut setengah daripada perkongsian mereka yang dinamakan harta sepencarian yang didaftarkan atas nama suaminya. Tanah itu adalah belian daripada hasil kerjasama keduanya di atas tanah pihak yang menuntut.

³⁶(1950) M.L.J. 63 - 64.

Diputuskan bahawa guaman mengenai harta sepencarian dapat dibawa sebagai suatu perkara biasa ke dalam Mahkamah Tinggi, walaupun menurut Enakmen Majlis Ugama dan ^cAdat Istiadat Melayu dan Mahkamah-mahkamah Qādī Kelantan, 1953 fasal 48, seorang Qādī Besar dan qādī berhak mendengar, membicarakan dan memberi keputusan tentang:-

- a- pembahagian dan tuntutan-tuntutan harta sepencarian dan
- b- penetapan orang-orang yang berhak mendapat bahagian dalam harta peninggalan seseorang Islam yang meninggal dunia dan bahagian-bahagian masing-masing dari orang-orang yang berhak itu.

Dalam kes ini Hakim Briggs berkata:-

" Tuntutan yang dibuat oleh seorang janda terhadap harta sepencarian itu bukanlah bermakna ia menuntut semua harta suaminya, tetapi ia hanya menuntut harta miliknya yang ada di dalam harta peninggalan suaminya itu. Bahagiannya ini memang diakui oleh ^cadat Melayu di-

Negeri Kelantan iaitu di kalangan kaum petani dan kebiasaannya separuh daripada harta itu adalah kepunyaan janda tadi, selain daripada persoalan tuntutan di atas bahagian dalam harta peninggalan suaminya. "

Jadi di sini Hakim Briggs memutuskan bahawa tanah itu adalah harta sepencarian dan pihak yang menuntut mendapat setengah daripada harta tersebut sebagai harta sepencarian.

Di Trengganu terdapat satu kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan iaitu kes Mohammad lwn. Pesuruh Jaya Tanah & Galian Trengganu.³⁷

Ini adalah satu kes rayuan menentang arahan Mahkamah Tinggi Trengganu untuk membatalkan arahan Suruhan Jaya Tanah dan Lombong.

³⁷(1968) M.L.J. 227.

Fakta kes ini ialah mengenai sekeping tanah di kawasan perlombongan yang dikatakan tanah hutan, kemudian dibersihkan dan ditanam dengan getah. Si-suami mengakui bahawa benih-benih getah diterima dari isterinya tapi menafikan usahasama isterinya dalam menjayakan tanah tersebut. Isterinya mendakwa dibawah perkara 60 Enakmen Tanah Trengganu untuk mendapatkan setengah bahagian tanah itu sebagai harta sebagai harta sepencarian.

Jelas bahawa di Trengganu isteri yang diceraikan berhak pada setengah bahagian dari harta yang diperolehi bersama sebagai harta sepencarian. Mahkamah Qāḍī dan Qāḍī Besar diberi kuasa untuk mendengar dan menetapkan tindakan-tindakan dan perbicaraan-perbicaraan yang berkaitan dengan pembahagian atau tuntutan harta sepencarian.³⁸

³⁸Enakmen Trengganu, fasal 25(I).

Harta sepencarian adalah juga dibahagi antara suami dan isteri yang berlaku perceraian di Kedah. Tetapi tidak ada peraturan tertentu atau asas pendoman bagi Mahkamah dalam menentukan bahagian masing-masing, tetapi ditentukan bahawa tuntutan harta sepencarian boleh dituntut dengan cara sumpah yang dibuat di masjid dan dilakukan oleh Pegawai Masjid.

Dalam kes Habsah binti Mat lwn. Abdullah bin Jusuh,³⁹ di mana pihak yang menuntut untuk mendapatkan sebahagian tanah yang didartarkan atas nama suaminya. Ia telah diceraikan dan telah pula berkahwin banyak kali. Mengikut pendapat Hakim Callow: Seseorang perempuan berhak untuk mendapatkan sebahagian harta yang diperolehi semasa perkongsian hidup mereka dan perkahwinan yang dahulu. Perkahwinan semula yang kerap kali itu tidak membezakan tuntutannya. Pihak yang menuntut berjaya mendapatkan sebahagian daripada harta tersebut sebagai harta syarikat.

³⁹(1950) M.L.J. 60.

Dalam kes ini ternyata kepada kita bahawa hakim telah menafsirkan Enakmen Tanah, sehingga dapat diambil kesimpulan bahawa pendartaran tanah atas nama seseorang belum lagi memastikan hak muliknya.⁴⁰

Di Perlis permohonan seorang perempuan yang bercerai dalam masalah harta sepencarian adalah ditujukan ke Mahkamah Qādī dan Naib Qādī untuk mendengar dan memutuskannya. Tidak terdapat peraturan tertentu mengenai pembahagiannya, hanya Qādī boleh sesudah mendengar kedua pihak memutuskan bagi pembayaran jumlah sebagaimana yang dianggap patut.⁴¹

Oleh kerana terdapat kesukaran untuk menentukan samaada sesuatu harta itu kepunyaan sisuami atau siisteri atau harta sepencarian, maka apabila sesuatu perkahwinan itu dijalankan, wali hendaklah menanya dan menentukan harta kepunyaan sisuami dan harta kepunyaan siisteri supaya senang dipulangkan kembali kepada em-

⁴⁰Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang
Cadat di Malaysia, h. 174.

⁴¹Enakmen Perlis, Perkara II & 94.

punyanya apabila terjadi perceraian. Sementara harta yang didapati di dalam masa perkahwinan hendaklah dibahagikan bersama yang dikenali dengan harta sepencarian mengikut undang-undang ^Cadat Melayu.⁴²

Di sana telah timbul beberapa masalah dalam menggunakan harta sepencarian atau syarikat seperti dalam kes Re Elang Re Kulop Degor dec. Lebar lwn. Niat.⁴³ Dalam kes ini, pertama diputuskan bahagian isteri yang patut ia terima adalah bergantung sama-ada ia bekerja atau tidak atas tanah tersebut. Jika ia sebenarnya ada bekerja maka dia (isteri) boleh menuntut setengah jika tidak bekerja ia boleh menuntut 1/3 sahaja.

Kedua, asas tuntutan itu sebenarnya perkara ^Cadat tempatan dan perkataan atau "term" harta syarikat digunakan hanya dari segi idea atau pandangan

⁴²M.F.Hooker, A Concise Legal History of South East Asia, h. 67.

⁴³M.B.Hooker, The Personal Laws of Malaysia, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), h.82.

orang Melayu sahaja.

Ketiga, perkataan atau "term" harta syarikat adalah membawa kepada perkara yang menyusahkan dan mengelirukan.

Diketahui bahawa pada masa dahulu hukuman-hukuman berada dalam kekuasaan Raja-raja Melayu dan Qādī-qādī merupakan penasihat-penasihat Sultan. Tetapi sejak kedatangan Inggeris sesuatu kes itu dibawa ke hadapan pengadilan dengan diadakan perbincaraan.⁴⁴

Kesimpulannya dalam harta sepencarian di-Malaysia sedikit sebanyak terdapat percampuran antara undang-undang Islam, dan undang-undang Inggeris serta undang-undang ^Cadat yang terdapat dalam beberapa bahagian teks-teks ^Cadat Temenggong.

⁴⁴Nik Sapiah Hj. A. Karim, Kajian Kebudayaan Melayu, (Kuala Lumpur: Pustaka ^Uian Press, 1963), h. II4.

Tuntutan harta sepencarian ini boleh dibuat di Mahkamah Qādī dan boleh juga dibuat di Mahkamah Civil yang lain. Ini bergantung pada undang-undang dalam satu-satu negeri. Jika memadai di Mahkamah Syar'iah maka tidak perlu di Mahkamah Civil. Jika perkara itu boleh dibawa ke Mahkamah Civil maka eloklah dibawa ke Mahkamah Civil. Didapati juga bahawa keseluruhan negeri-negeri di Malaysia Barat membahagikan harta sepencarian kepada kedua pihak iaitu suami dan isteri tidak kira cerai mati atau cerai hidup.

c- Harta-harta Lain:

Mengenai dengan harta carian atau harta sebelah iaitu harta yang dibawa oleh suami atau isteri daripada ibu bapa mereka sebelum kahwin, maka harta itu dipulangkan kepada masing-masing harta dalam hal perceraian, dan tidak boleh diperhitungkan dengan harta sepencarian untuk dibahagikan. Tetapi, jika suami atau isteri telah hidup bersama selama 3 tahun dan mereka mendapat harta itu maka bolehlah dianggap sebagai harta sepencarian. Dalam hal dua kali kahwin

maka pembahagian harta mengikut ^Cadat adalah mudah iaitu harta yang didapati pada tiap-tiap kali perkahwinan itu hanya dibahagikan antara isteri dan anak-anaknya sendiri. Anak dari isteri-isteri yang lain hanya dapat menerima sebahagian kecil harta sahaja sebagai satu kenang-kenangan sahaja.⁴⁵

Pada praktiknya, sistem pembahagian harta sebelah dalam ^CAdat Temenggong adalah sama sebagaimana diamalkan pada ^CAdat Perpatih yang berhubung dengan harta pembawa (harta yang dibawa oleh suami dari ibu bapanya atau usaha sendiri) dan harta dapatan (harta-harta yang dipunyai oleh isteri). Bila berlaku kematian atau perceraian harta itu diberikan pada waris-waris mereka.

Berhubung dengan wasiat ^CAdat Temenggong tiada mempunyai peraturan-peraturan yang lain mengenainya. Pada amnya dalam hal-hal mengenai wasiat

⁴⁵J.G.Rigby, " Ninety-nine Laws of Perak," fasal 53, h. 73 - 74.

masyarakat ^cAdat Temenggong mengikut Islam. Ini disebabkan kebanyakannya menerima prinsip-prinsip pusaka undang-undang Islam dan mereka kurang berselisih dalam hal pusaka.⁴⁶ /

Pengertian wasiat ialah pemberian yang dilakukan oleh seseorang yang ditunjukan kepada orang lain terhadap sesuatu benda atau menfa'atnya bagi membolehkan orang yang diwasiat itu memiliki hartanya (orang yang membuat wasiat) apabila dianya mati.⁴⁷

Di negeri-negeri Malaysia Barat perkara-perkara mengenai pembahagian harta peninggalan seseorang yang meninggalkan dunia diperiksa dan diputus dalam Mahkamah Sivil biasa.⁴⁸

⁴⁶Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, h.267.

⁴⁷Syed Sābiq, Fiqh Sunnah, Cet. II, (Beirut: Daru al-Kitab al-Arabi, 1973), h. 583.

⁴⁸Enakmen Selangor, fasal 45(3), Enakmen Trengganu, fasal 25(I), Enakmen Pahang, fasal 37(3), Enakmen Perlis, fasal II(4) dan Enakmen Kelantar, No. 2, fasal 48.

Selain daripada itu wasiat yang hendak diberikan itu tidak boleh diberi lebih dari $\frac{1}{3}$ harta peninggalan si mati setelah diselesaikan semua hutang si mati.

Dalam kes Sheikh Abdul Latif lwn. Elias Bux,⁴⁹ diputuskan bahawa seorang pewasiat berhak mewasiat menurut hukum Syara' tidak lebih dari $\frac{1}{3}$ harta kepunyaannya pada waktu ia meninggal. Baki dari harta itu diwariskan dalam kadar tertentu kepada mereka yang diisytiharkan sebagai waris mengikut hukum Islam kecuali waris-wairs itu menolak perwarisan itu.

Demikian juga dalam kes Siti lwn. Mohammad Nor,⁵⁰ di mana diputuskan bahawa wasiat seorang Islam yang cuba mengutamakan seorang waris dengan memberikannya bahagian lebih besar dalam harta pusaka dari yang ia berhak menurut hukum Islam adalah tidak sah. Jika pemberian itu tanpa izin dari waris-waris yang lain.

⁴⁹(1915) F.M.S.L.R., 204.

⁵⁰(1928) 6.F.M.S.L.R. 135.

d- Anak Angkat:

Pengertian anak angkat yang difahami oleh masyarakat ramai adalah amat umum. Mereka katakan bahawa jika seorang kanak-kanak tinggal dan dipelihara oleh satu keluarga terutama yang tidak mempunyai perhubungan darah dengannya, maka anak itu akan dianggap sebagai anak angkat. Sebaliknya pengertian yang dikemukakan oleh ahli-ahli undang-undang lebih sempit. Contohnya pengertian yang diberikan oleh Cretney. Beliau telah menghadkan pengertian anak angkat kepada proses di mana Mahkamah menghilangkan pertalian kekeluargaan antara anak dengan keluarganya yang sebenar dan mengadakan pertalian kekeluargaan antara anak dengan ibu bapa angkat.⁵¹

Bevan pula mendefiniskan proses anak angkat itu adalah satu kaedah undang-undang untuk mengaitkan pertalian kekeluargaan antara seorang kanak-kanak

⁵¹S.M. Cretney, Principles of Family Law, (London: Sweet & Maxwell, 1974), h. 340.

dengan bukan keluarganya yang sebenar.⁵²

Dalam undang-undang Islam pula, anak angkat merupakan satu proses di mana seorang lelaki dengan sengaja tidak mensabitkan keturunan seorang anak, yang sememangnya diketahui keturunannya, kepada bapanya yang sebenar. Sebaliknya mensabitkan kepada dirinya sendiri. Ataupun seorang perempuan sengaja tidak mensabitkan keturunan seorang anak yang diketahui keturunannya pada ibunya yang sebenarnya tetapi mensabitkan pada dirinya sendiri.⁵³

Sebagaimana yang diketahui bahawa, hukum anak angkat dalam Islam adalah berkaitan dengan peristiwa perkahwinan antara Zaid (anak angkat Nabi) dengan Zainab. Setelah Zaid mendirikan rumah tangga dengan Zainab ternyata kehidupan mereka tidak pernah aman. Perselisihan sering terjadi kerana Zainab ma-

⁵²H.K.Bevan, The Law Relating to Children, (London: Butterworth & Co. Publishers Ltd., 1973), h. 309.

⁵³Muhammad Muhyiddin Abd. Hamid, Al Ahwal Ash Shaksiyah, (M'sir: As Sa'adah, 1958), h. 387.

dapat yang demikian adalah lahir daripada kebodohan mereka tentang hal ehwal dan seluk beluk Timor.

Akan tetapi kita tetap berbangga dengan usaha masyarakat Melayu Lama yang telah berjaya menghasilkan suatu sistem ^cadat dan undang-undang yang bersifat Melayu, walaupun undang-undang Melayu ini dikatakan tidak " original ".

Ahmad Ibrahim.
1965.

Islamic Law in Malaya. Si-
ngapore: s.n.

1973.

Malay Family Law in Malaysia.
Singapore: Fakulti Undang-
undang Universiti Malaya.

Al-Amir, Ismā'il
Moḥammād.
t.t.

Subul al-Salām Sharhu Bulugh
al-Muram. Jilid 3. Damsyek:
Idarah al-Tabā'ah al-Munirah.

Al-Bājirmi,
Sulaiman.
t.t

Syarah al-Khātib al-Musamma
bi al-Iḥnā'. Juzu' 3. Dar
al Kutub al-^CArabiah al-Kubra.

Al-Jāziri, Abdul
Rahman.
1938.

Kitab al-Fiḥ 'ala al-Muzā-
hib al-Arba^Cah. Juzu' 4.
Cet. 5. Al-Qahirah:s.n.

Al-Newawi.
1884.

Minhāj al-Tālibīn, ed. L.W.C.
Van Den Berg. Jilid 2. Bato-
via: s.n.

Al-Syafi^Ci, al-
Imam Abi Abdullah
Muhammad bin Idris.
semakan Muhammad
Zuhry al-Najjar.

al-Umm. Vol.5 . Mesir: Syari-
kah al-Tiba'ah al Fanniah al-
Muttahidah.

- David L. Buxbaum.
1968. Family Law & Customary Law.
Martinus Nijhoff / The
Hague: Printed Netherlands.
- Dubois, A.J.A.
H.K. Beancar.
1953. Hindu Manners Custom &
Ceremonies. London: s.n.
- Dr. Sidi Ghazalba.
1976. Di Ambang Pintu Perkahwinan.
Kuala Lumpur: Penerbitan
Pustaka Antara.
- Dr. Ahmad Syalaby.
1976. Kehidupan Sosial Dalam ,
Pemikiran Islam. Singapore:
Pustaka Nasional .
- Dzulkifli bin
Mohd. Salleh
1968. Hikayat Merong Mahawangsa.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
& Pustaka.
- Hall, D.G.D.
1966. History of South-East Asia.
London: Macmillan.
- Heikal, Muhammad
Hussein.
1947. Hayat Muhammad. Qahirah:
Sharikah, Musahammah.
- Hj. Hassan Salleh.
1973. Pengajian Ilmu Fiqah. Ke-
lantan: Pustaka Aman Press.

- Prof. Dr. Selamat
Muljar.
1967.
- Prof. Syed Naguib.
1972.
- Robbert Hunter Mc.
Kinley.
1978.
- Van Ronkel. S.
1919.
- Shellabear, W.G.
1976.
- Sen Gupta.
1953.
- Syed Sabiq.
1973.
- Perundangan-perundangan
Majapahit. Djakarta: s.n.
- Islam Dalam Sejarah & Ke-
budayaan Melayu. Kuala
Lumpur: Universiti Kebang-
saan Malaysia.
- A Knife Cutting Water: .
Child Transfers & Sibling
Ship among Urban Malays.
Michigan: University Micro-
films, International.
- Risalat Hoekoem Kanoen ia-
itu Oendang-oendang Melaka.
Leiden: s.n.
- Sejarah Melayu. Cet. 3.
Kuala Lumpur: Penerbit
Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Evolution of Ancient Law.
Calcutta: s.n.
- Fiqh Sunnah. Cet. II Beirut:
Daru al-Kitab al Arabi.

- Tardjan Hadidyaja.
1964. Adat Raja-raja Melayu. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Wan Shamsuddin.
1969. Sejarah Tanah Melayu & sekitarnya 1400-1967. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Winstedt, R.O.
1974. The Malay a Cultural History. Singapore: s.n.
- _____
1961. The Malay a Cultural History. London: Rowe & Brydone Printers, Ltd.
- _____
1956. The Malaya a Cultural History. s.n.
- Yusoff Iskandar
& A. Rahman Kaeh.
1978. Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Haineman Educational Books (Asia) Ltd.
- Zākī al-Dīn
Syu^cban.
1971. al-Ahkam al-Syar^ciyah al-Ahwal al-Syaksiah. Cet. II. Libya: Mansyurat al-Jāmi^cah al-Libya Kulliah al-Huquq.

JERNAL DAN MAJALAH:

- Abu Hassan Mohd.
Sham.
1973.
- "Unsur Undang-undang Hindu
di dalam Teks Undang Adat
Temenggong Khasnya Undang-
undang Melaka", Dewan Bahasa.
Julai. Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa & Pustaka.
- Ahmad b. Mohd.
Ibrahim.
1963.
- "The Status of Muslim Women
in the Family Law in Malaysia",
Intisari. Vol. 2. Part I-4.
Singapore: MSRI.
- 1963.
- "Islam & Adat", Intisari,
Vol. 2. Part I-4. Singapore:
MSRI.
- 1963.
- "Islam Customary Law Malaysia",
Intisari. Vol.2. Part 2. Si-
ngapore: MSRI.
- Bashir A Malal
1969.
- The Malay Law Journal. Vol.2.
Singapore: Tien Wah Press
(Ptc) Ltd.
- Dr. Mahathir.
1963.
- "Interaction-Integration",
Intisari. Vol.I. No.3. Singa-
pore: MSRI.

Datok Samad Idris.
1974.

"Seminar Pensejarahan Adat Perpatih dalam Kertas Kerja Kemurnian Dalam Adat Perpatih (Negeri Sembilan), Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan 10-12 April 1974.

Hj. Mohd Din bin Ali.
1965.

"Islam & Adat: Two Forces in Malay Society", Intisari. Vol. I, No. 3. Singapore: MSRI.

Kempe, J.E. & Winstedt R.O.
1952.

"A Malay Legal Miscellany", JMBRAS, Vol. 25. Part I. Singapore: Malaya Publishing Ltd.

Logan, J.R.
1855.

"A Translation of the Malayan Laws of the Principality of Johore", s.l. reprinted from 9 JIAEA.

Merrison, G.E.
1955.

"Persian Influences in Malay Life", JMBRAS. Vol. 28. Part. I. Singapore: Malaya Publishing House, Ltd.

Mohammad b. Rahmat.
1961.

"Sedikit Tinjauan tentang Adat & Undang-undang Melayu", Dewan Bahasa. November, Jilid 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Rigby, J.G.
1908. "Ninety-nine Laws of Perak", Papers on Malay Subjects. Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press.
- Taylor, E.N.
1929. "Customary Law of Rembau", JMBRAS. Vol VII. Singapore: Malaya Publishing Ltd.
- 1948. "Inheritance in Negeri Sembilan", JMBRAS. Vol.XXI. Part 2. Singapore: Malaya Publishing Ltd.
- 1929. "Malay Family Law", JMBRAS, Vol.XV. Part.I. Singapore: Malaya Publishing House Ltd.
- Turku Pekirma
Wira.
1963. "Islam & Adat (in Kuala Trengganu), Intisari. Vol. I. No. I-4. Singapore: MSRI.
- Wilkinson, R.J.
1908. "Law Part I, An Introductory & Sketch", Papers on Malay Subjects. Kuala Lumpur: s.n.
- 1971. Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur, Singapore: Oxford University Press, London, New York.

Winstedt, R.O. &
Wilkinson, R.J.
1934.

"A History of Perak", JMBRAS,
Vol XII. Part I. Singapore:
Singapore Printed Limited.

1953.

"An Old Minangkabau Legal Digest
from Perak", JMBRAS. Vol. 26.
Part I. Singapore: Malaya Pub-
lishing House Ltd.

1928.

"Kedah Laws", JMBRAS, Vol. 26,
Part II. Singapore: Malaya Pub-
lishing House Ltd.

1940.

"A History of Malay Literature",
JRAS. Vol. XVII. London: s.n.

1945.

"Old Malay Legal Digest & Malay
Digest & Malay Customary Law",
JRAS. Part I & 2. London: s.n.

& Josselin de,
Jong.
1954.

"Undang-undang Sungai Ujung",
JMBRAS, Vol. 27. Part III. Si-
ngapore: Malaya Publishing House
Ltd.

& Kempe J.E.
1948.

"A Malay Legal Digest of Pahang",
JMBRAS. Vol. 21. Part I. Si-
ngapore: Malaya Publishing House
Ltd.

Winstedt, R.O. &
Wilkinson, R.J.
1974.

"A History of Perak", Papers on
Malay Subjects. Kuala Lumpur:
M.B.R.A.S. Reprint, No.3.

KAMUS:

Americana
Corporation.
t.t.

The Encyclopedia Americana, Vol.22
U.S.A.: Manufactured in U.S.A.

Kementerian
Pelajaran.
1979.

Kamus Dwi Bahasa. Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa & Pustaka.

Max Radin.
1970.

Radin Law Dictionary. Second
Edition. New York: Oceana Pub-
lications, Inc.

Thomas Partick
Hughes.
1964.

Dictionary of Islam D.D.M.R.A.S.
Lahore: Primier Book House, Pub-
lisher & Book Seller, Anakali.

ENAKMEN, ORDINEN dan LAW REPORT.

Undang-undang Pentadbiran U^ugama Islam, Selangor:
No. 3, 1952.

Undang-undang Pentadbiran U^ugama Islam, Trengganu
No. 4, 1955.

Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Perak:
No. II, 1965.

Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Pahang:
No. 5, 1956.

Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Perlis:
No. 3, 1964.

Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Melaka:
No. I, 1959.

Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Pulau Pinang:
No. 3, 1959.

Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Kedah:
No. 3, 1962.

Undang-undang Pentadbiran Igama Islam, Johor:
No. I4, 1978.

Undang-undang Mahkamah Syari^Cah dan Hal Ehwal Perkah-
winan Islam, Kelantan: No. I, 1966. dan
Undang-undang Majlis Ugama dan^CAdat Istiadat
Melayu: No. 2, 1966.

Adoption Ordinance, Persekutuan No. I4.1952.

Federal ^Malay States Law Report (F.M.S.L.R.).

Malay Law Journal (M.L.J.).

LAMPIRAN

UNDANG-UNDANG MELAKA

0.1 Bismī 'llāhi 'r-rahmāni 'r-rahīm. Al-hamdu li 'llāhi rabbi 'l-'alamīn wa'l-'akibatu li'l-muttakīn. Wa 's-salātu wa 's-sālamu 'alā rasūlihi sayyidina Muhammad wa ālihi wa sabbihi ajma'in.

Amma ba'du, hādha risālah fī bayān hukum al-kānūn fī bilād al-malik al-kabīr wa wazurā'ihī. Wa ba'dahu, adapun kemudian daripada itu, maka inilah suatu risalat pada menyatakan hukum kanun ya'itu pada segala negeri yang besar-besar dan pada segala raja-raja yang besar-besar dan wazir dan pada 'adat yang ta'luk dan dusun supaya manfa'at atas negeri dan raja-raja. Maka akan gantinya, supaya tiada datang masghul kepadanya.

Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan temenggung, ketiga menjadikan penghulu bendahari, keempat menjadikan syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rayatnya. Adapun maka dibahagi hukum itu atas tiga bahagi. Pertama pada bendahara, kedua pada temenggung, ketiga pada syahbandar.

Adapun hukum yang diserahkan kepada bendahara itu, seperti hukum orang yang berjabatan dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan segala anak orang besar-besar.

Adapun hukum yang diserahkan kepada temenggung itu barang yang dihukumkan di dalam negeri seperti tafahus-menafahus dan seperti tangkap-menangkap orang yang jahat di dalam negeri itu.

Adapun hukum yang diserahkan kepada syahbandar itu ya'itu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan ^oadat segala jung dan baluk dan barang sebagainya.

Adapun ketahuilah olehmu sekalian akan ^oadat ini turun temurun daripada zaman Sultan Iskandar Dhu'l-Karnain yang memerintahkan segala manusia datang kepada zaman puteranya Sultan Iskandar Syah. Ialah raja yang pertama menyusuk negeri Melaka. Ialah yang bergelar Sultan Mahmud Syah zillu 'llahi fi 'l-^oalam. Ialah raja yang pertama masuk agama Islam dan meletakkan ^oadat perintah raja-raja dan perintah segala orang besar-besar dan meletakkan hukum dan perintah negeri lalu turun kepada baginda Sultan Muzaffar Syah dan turun kepada baginda Sultan Mansur Syah dan turun kepada baginda Sultan ^oAla'u'd-Din Ri^oayat Syah dan turun kepada putera baginda Sultan Mahmud Syah, khalifatu'l-mu'minin, zillu'llahi fi 'l-^oalam. Ialah yang mempunyai ^oadat dan hukum dan perintah datang sekarang ini. Maka adalah iaitu akan teladan ganti raja-raja pada hal memerintahkan segala ^oadat yang tersebut ini, terhimpun pada segala menteri.

Maka dihimpunkan hukum ini atas barang patutnya yang dihukumkan.

1.1 Fasal yang pertama pada menyatakan ^oadat majelis segala raja-raja dan pakaian segala raja-raja dan segala

larangan raja-raja itu, maka dipakai oleh segala ra^cyat. Ketahuilah olehmu bahawa tiada harus memakai seperti kekuningan dan kepada segala orang besar-besar sekalipun, jikalau tiada dengan anugraha raja-raja, maka iaitu dibunuh hukumnya. Dan demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang seperti khasa (h) pada balai raja-raja atau pada pagar raja-raja itu melainkan dengan kurnia titah raja atau di luar boleh dipakai. Jikalau lain daripada itu niscaya dicarikkan atau ditolakkan hukumnya. Dan demikian lagi memakai hulu keris emas seperti merubi dan bawang sebongkol. Itupun tiada dapat dipakai oleh orang keluaran, jikalau tiada dengan nugraha raja-akan dia. (Jikalau ada dengan nugraha raja-raja akan dia), maka dapat dipakai. Jikalau ada orang yang memakai dia, hukumnya dirampas.

Adapun yang dapat memberi anak cucunya memakai hulu keris emas itu melainkan bendahara juga, yang lain daripada itu tiada dapat memakai dia.

1.2 Adapun segala syarat hamba raja itu atas tiga perkara: suatu benar kepada barang af^calnya, kedua menurut barang titah rajanya, mau ia zalim, mau ia tiada, fardu menurut titahnya. Ketiga ada ia mengharapakan ampun tuannya.

1.3 Adapun syarat segala raja-raja itu atas empat perkara: pertama ampun, kedua murah, ketiga perkasa, keempat

melakukan hukunya dengan kaharnya. Itulah sifat segala raja-raja itu pada zaman dahulu kala turun temurun datang sekarang. Inilah kanun namanya.

2.1 Fasal yang kedua pada menyatakan hukum bahasa segala raja-raja itu lima perkara yang tiada dapat kita menurut kata ini melainkan dengan titah tuan kita juga, maka dapat. Pertama titah, kedua patik, dan ketiga murka, keempat kurnia, kelima nugraha. Maka segala kata ini tiada dapat dikatakan oleh kita sekalian. Dan jikalau hamba raja mengatakan dia, dibunuh hukunya. Dan jikalau orang lain berkata demikian itu, digocoh hukunya. Adapun berpatik dan bertitah dan murka itu dan kurnia itu, tiada dapat kita mengatakan pada seseorang pun melainkan bahasa itu tertentulah kepada raja-raja juga. Adapun jikalau seseorang dinugrahakan, itupun harus berpatik dan bertitah dan murka melainkan dengan titah tuan juga, maka dapat. Adapun jikalau tiada dengan anugraha itu, dibunuh hukunya.

2.2 Demikian lagi pada hal menjunjung duli, itupun dibunuh, jikalau tiada dengan anugraha itu. Demikianlah berbuat surat titah itu. Dan demikianlah ^cadat hamba kepada tuannya, supaya bermulia tuannya pada hukum kanun.

3. Fasal yang ketiga pada menyatakan hukum segala ^cra-yat mati dan orang besar-besar dan orang yang mulia-mulia tiada dapat berpayung dan berpuadai dan mengambur dirham itu

melainkan dengan nama anugraha, maka dapat. Jikalau tiada dengan nama anugraha, dirampas hukumnya itu.

Demikian lagi bertilam beralas kuning atau batang bantal kuning atau sapu tangan kuning, maka iaitu hukumnya dicarik-carik oleh segala yang melihat dia itu, suatupun tiada perkataannya lagi. Itulah majelis segala raja-raja itu, baik diketahui oleh segala ra^cyat dan segala sakai bala tentera sekalian itu akan perintah martabat kemuliaan raja-raja itu supaya jangan kena murka raja-raja akan kamu sekalian itu.

4. Fasal yang keempat pada menyatakan hukum negeri dan anak sungai dan dusun yang ta^cluk pada negeri itu. Adapun yang pertama pada menyatakan orang berbunuh-bunuhan atau membunuh atau menikam atau menetak orang atau memukul orang atau merampas atau mencuri harta orang atau menuduh atau berdustakan hakim atau berjual titah, atau menyangkal titah raja, itu pun salah, dibunuh hukumnya.

5.1 Fasal yang kelima pada menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau orang besar-besar. Jikalau dibunuhnya dengan tiada dosanya sekalipun, dibunuh pula ia pada hukum Allah, maka ^cadil namanya.

5.2 Adapun yang membunuh tiada setahu raja dan menteri itu atas empat perkara. Pertama membunuh madu, kedua mem-

bunuh orang yang angkara, tetapi hendaklah ia ditangkap dahulu, maka dibawa kepada hakim akan ^Cadatnya setahil sepaha. Jikalau tiada tertangkap, kerana ia dengan makarnya, maka patutlah ia mati. Ketiga membunuh orang mencuri yang tiada dapat ditangkap. Keempat membunuh orang yang memberi ^Caib seperti menampar orang atau barang yang memberi ^Caib besar; itupun jikalau belum sampai kepada menteri. Maka jikalau sudah sampai pada menteri, maka diperbuat juga, maka ia didenda sepuluh tahlil sepaha, inilah hukumnya.

5.3 Adapun jikalau membunuh madunya, maka ia lari ke dalam kampung orang, maka diikutnya oleh empunya madu itu, maka berkelahi ia dengan yang empunya kampung itu, maka jikalau ia melawan, maka terbunuh yang mengikut itu, mati saja tiada dengan hukum lagi. Itulah ^Cadatnya negeri, tetapi pada hukum Allah, yang membunuh itu dibunuh juga hukumnya, kerana menurut dalil Kur'an menurut ~~amr~~ bi'l-ma^Cruf wa nahy ^Cani'l-munkar.

5.4 Adapun segala orang yang membawa titah raja itu, maka ia mengambil isteri orang yang beredakan laki-laki itu, maka tiada dapat dibunuh oleh lakinya. Jikalau dibunuhnya, durhaka-lah ke bawah duli Sultan, maka harus dibunuh pula hukumnya atau kena didenda atasnya sekati lima tahlil. Inilah ^Cadatnya.

6.1 Fasal yang keenam pada menyatakan hukum segala orang yang mengamuk itu, ^Cabdi atau orang berhutang-utangan orang.

Jikalau tiada tertangkap, maka dibunuh ia, tiada perkataannya lagi. Maka jikalau sudah tertangkap ia, tiadalah dapat kita membunuh dia lagi. Jikalau dibunuh juga ia, dengan tiada se-tahu menteri dan raja hukumnya dibunuh pula, kerana ^Cadat orang yang sudah tertangkap terikat itu melainkan raja dan menteri juga yang empunya perintah, jikalau pada teluk rantau negeri sekalipun, demikian juga ^Cadatnya.

6.2 Adapun ketahui olehmu bahawa syarat menteri itu enam perkara: pertama menafaus salah benar ra^Cyat; kedua tahu ia hukum; ketiga tahu ia mengambil upah; keempat menengar kata ke-dua pihak; kelima tahu ia budi tatkala ia menjatuhkan hukum itu dengan keras perangnya; keenam hendaklah ^Carif kepada siasatnya dan periksanya.

Adapun jikalau sudah luka orang yang mengamuk itu, maka tertangkap, lalu dibunuhnya, kenalah denda setahil sepaha juga. Adapun jikalau lukanya itu tersangat, maka dibunuhnya pula, tetapi dengan setahu raja dan menteri, sekadar belanja turun mayat itu juga akan dendanya itu.

6.3 Adapun yang tiada dapat diampuni oleh segala hakim itu atas tiga perkara. Pertama dosa membunuh orang; kedua dosa mengambil isteri orang; ketiga orang yang maharajalela barang kelakuannya. Itulah yang tiada dapat segala menteri mema^Cafkan dia, melainkan raja juga yang dapat mengampuni dia. Adapun akan dosa yang lain daripada itu dapat menteri mengampuni dia segala manusia yang salah itu.

6.4 Adapun jikalau hamba orang itu hendak membunuh tuannya, maka orang lain itu menangkap dia, harus dibunuh; itupun jikalau jauh tempatnya lagi, tiada ia kuasa menangkap dia. Adapun jikalau dekat, maka ditangkapnya, lalu dibunuhnya akan dia, kenalah denda akan lima tahil sepaha, kerana taksirnya tiada dengan setahu menteri. Maka jikalau sudah luka payah, maka lalu dibunuhnya, tiada salahnya lagi. Itulah hukumnya 'abdi itu. Demikianlah kami sebutkan pada hukum kanun itu. Demikian lagi kias atas negeri atau anak sungai pun tiada bersalahan lagi.

7.1 Fasal yang ketujuh pada menyatakan hukum menderhika membunuh abdi orang. Adapun jikalau hamba raja dibunuh orang, maka kena denda tujuh kali tujuh. Jikalau ia tiada dapat tertangkap, akan lepas lakunya itu, maka dibunuh hukumnya. Jikalau tiada dibunuh, menjadi ulur ke bawah duli raja orang yang melepaskan itu. Adapun hukum yang mengatakan tujuh kali tujuh itu, sekadar amar raja-raja juga, sesungguhnya tujuh kali juga. Dan jikalau orang besar-besar membunuh hamba raja, didenda ia sekati lima tahil. Adapun jikalau ada dengan salahnya itu, tiadalah ada perkataannya lagi.

7.2 Adapun jikalau ia mencuri, maka tertangkap lalu dibunuhnya, maka kenalah denda akan dia setengah harganya, dan setengah akan menteri dan setengah akan tuannya, kerana taksirnya tiada dengan setahu menteri. Adapun pada hukum Allah orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh, melainkan dipotong tangannya.

7.3 Adapun hukum hamba raja, jikalau ia mencuri, maka ditangkap, lalu dibunuhnya, maka didenda akan dia sepuluh tahlil sepaha. Adapun jikalau waktu ia mencuri itu dibunuhnya, suatupun tiada perkataannya lagi.

Adapun jikalau pencuri itu lari, maka diturutnya oleh orang yang empunya harta itu, maka dapat jikalau pencuri itu melawan, maka terbunuh olehnya, mati pencuri itu, mati saja tiada perkataannya lagi. Adapun jikalau tiada ia melawan, maka dibunuhnya, hukunya mengganti dengan orang itu sepenuhnya dengan yang benar. Adapun merdehika membunuh ^cabdi itu mengganti setengah harganya itu. Adapun jikalau banar hamba orang itu tiada dosanya, maka dibunuhnya, maka kenalah ganda hukunya.

8.1 Fasal yang kedelapan pada menyatakan menetak orang. Jikalau ^cabdi menetak merdehika, maka iaitu masuk ulur. Adapun jikalau merdehika menetak ^cabdi, kenalah denda setengah harganya. Jikalau ia miskin, kenalah ia sepuluh emas akan dendanya itu.

8.2 Adapun jikalau ^cabdi menampar merdehika, hukunya dipotong tangannya itu. Adapun jikalau merdehika menampar ^cabdi tiada dengan salahnya, kena lima emas juga hukunya. Jikalau ia kaya, kena sepuluh emas. Adapun hamba orang itu, jikalau dengan judah mulutnya, seperti menaki, maka suatupun tiada salahnya lagi merdehika itu.

Adapun jikalau merdehika menampar ^Cabdi, maka ditikannya oleh ^Cabdi itu, mati merdehika itu, suatupun tiada salahnya. Tetapi pada hukum Allah, yang membunuh itu dibunuh pula hukumnya, maka ^Cadil namanya. Adapun jikalau merdehika ditampar ^Cabdi, maka ditikannya mati, serta ada syaksinya, tiadalah perkataannya lagi.

Adapun jikalau ^Cabdi menampar samanya ^Cabdi, maka kenalah dendanya setengah harganya. Demikianlah hukumnya, mau laki-laki, mau perempuan, dengan tiada bersalahan pada hukum kanun. Adapun pada hukum Allah, menampar itu ditampar juga balasnya, maka adil namanya.

8.3 Adapun hukum orang memaki orang: jikalau abdi memaki merdehika, digocoh hukumnya atau ditanggalkan giginya, itulah hukumnya. Adapun jikalau merdehika memaki isteri ^Cabdi, tiadalah lagi salahnya pada ^Cadatnya, kerana hukum anak isteri itu tiada dapat dipermudah-mudah pada hukum kanun; tetapi kepada hukum Allah bersalahan: yang membunuh itu, fardu dibunuh pula, supaya jangan tertanggung haknya itu kepada kita.

8.4 Adapun hukum menampar dan yang kena tampar itu; jikalau ditikam oleh yang kena tampar itu, mati yang menampar itu, tiadalah salahnya lagi kepada ^Cadatnya. Adapun dapat dibunuh yang menampar itu hingga tiga hari lamanya; jikalau lepas daripada tiga hari, tiadalah dapat lagi dibunuh orang yang menampar itu. Apabila dibunuhnya juga, maka didenda akan dia sekati lima, kerana lepas daripada ^Cadat laki-laki

namanya. Adapun pada (hukum) Allah dibunuh juga hukumnya, kerana pada Allah ta^oala, hak segala manusia itu amat besar atas negeri, itulah hukum kanun namanya.

9.1 Fasal yang kesembilan pada menyatakan yang dapat membunuh itu atas empat perkara. Suatu bendahara pada waktu tiada raja atau di dalam anak sungai sendiri harus membunuh dengan tiada titah raja. Kedua temenggung pada waktu menangkap orang, itupun tiadalah menanti titah lagi, dan ketiga syahbandar tatkala di kuala, barangsiapa tiada menurut katanya pada waktu membawa perahu dan kapal itupun tiadalah lagi dengan titah melainkan mana perintahnya juga. Keempat nakhoda tatkala di laut, dapat ia membunuh tiada dengan titah, kerana ia raja pada masa itu. Adapun apabila sudah datang ke negeri, maka dihukumkan ia. Jikalau dibunuhnya itu tiada dengan dosanya, patut dibunuh pula nakhoda itu atau didenda sekati lima.

9.2 Adapun hukum di laut itu atas nakhoda, maka tiada dapat ia membunuh melainkan jika ada ia mengambil isteri orang yang di dalam perahu itu, harus ia ~~dibunuh~~ nakhoda itu, tetapi hendaklah segera mufakatkan warisnya akan gantinya. Demikianlah umpamanya.

10. Fasal yang kesepuluh pada menyatakan hukum bidu-
anda orang dan muda-muda orang dan hamba orang dan saksi
orang dan hamba raja. Adapun jikalau kita akan pergi be-

layar atau mudik sungai, maka kita bawa biduanda orang dengan tiada setahu penghulunya itu, maka mati kena denda seharganya orang yang membawa itu oleh penghulunya. Adapun jikalau ada jauhnya itu sehari semalam perjalanan, maka diberinya ganti. Jikalau empat keruh atau setengah hari perjalanan, tiada mengganti biduanda itu. Adapun yang mengganti itu sehari semalam atau sebulan jauhnya atau kurang sedikit, maka mengganti, kerana taksirnya itu, tiada memberi tahu penghulunya. Itulah^c adatnya negeri.

Demikianlah hukum sekalian orang membawa hamba orang yang tiada setahu penghulunya, maka dibawa pergi barang ke mana itu, sekaliannya memberi ganti kepada tuannya. Itulah hukum hamba orang atau biduanda orang itu, tetapi pada hukum Allah tiada mengganti, kerana atas segala orang merdehika itu, iaitu mudah dengan kismatnya tiadalah harus kita memberi ganti. Itulah hukumnya.

11.1 Fasal yang kesebelas pada menyatakan hukum orang yang mencuri lagi dicemarinya kampung orang itu, maka tahu yang empunya kampung itu, maka dibunuhnya atau diturutnya antara dua kampung, maka dibunuhnya, tiada salahnya lagi yang membunuh itu. Adapun jikalau kemudian daripada hari itu, maka bertemu dengan orang yang mencuri itu, maka baharu dibunuhnya, tiadalah sah bunuhnya itu melainkan hukum juga atasnya.

Dan jikalau ia mencuri di dalam rumah, dipotong tangannya hukumnya. Adapun jikalau yang mencuri itu banyak, maka seorang sahaja yang naik ke rumah itu, maka seorang itu juga dipotong tangannya dan yang banyak kena ta'sir, artinya dinaikkan di atas kerbau balar, dibubuh bunga raya dan berpayung tudung saji, dicoreng mukanya dengan kapur dan barang dan kunyit, maka dicanangkan berkeliling negeri. Jikalau dapat hak orang itu, maka digantungkan pada lehernya. Jikalau habis dimakannya, tuannya memberi ganti. Adapun jikalau ia merdeka masuk ulur kepada yang empunya harta itu.

11.2 Adapun hukum orang yang mencuri tanaman seperti tebu atau pisang atau sirih dan pinang atau daripada buah-buahan yang lain daripada itu tiada dipotong hukumnya, tetapi jikalau ia kedapatan malam ia mencuri itu, maka ditikannya oleh yang empunya tanaman itu, mati sahaja, tiadalah lagi perkataannya. Adapun jikalau tahu ia pada siang hari, maka didenda oleh hakim sepuluh emas dan segala yang dicurinya itu digantungkan kepada lehernya, di bawa berkeliling negeri itu. Jikalau habis dimakannya segala buah-buahan itu atau tebu dan pisang, maka disuruh ganti oleh hakim kepada yang mencuri tanaman itu lagi kena denda sepuluh emas.

11.3 Adapun jikalau orang mencuri perahu, maka sudah dijualnya atau diseroekkannya, maka antara itu ada tanda yang nyata atau saksinya yang sah akan kenyataannya ia mencuri itu, maka digantinya harga perahu itu oleh yang mencuri itu

kepada yang empunya perahu. Jikalau perahu disewakan oleh tuannya, maka disuruh ganti kepadanya dengan sewanya sekali. Dan akan dendanya orang yang mencuri itu dihukumkan sepuluh emas. Itulah hukumnya segala orang yang mencuri perahu.

11.4 Adapun jikalau orang mencuri kerbau atau lembu atau kambing, jikalau ia di dalam kandangnya dicurinya, maka didendanya setahil sepaha, dan harganya kerbau atau lembu atau kambing yang dicurinya itu dipinta kepadanya berapa patutnya harga. Dan jikalau ia mencuri itu di tengah padang atau di dalam hutan, maka dendanya sepuluh emas dan harganya itupun dibayarnya juga.

Adapun jikalau kambing di dalam kandangnya dicurinya maka tahu yang empunya kambing itu, maka dipintanya oleh hakim harganya kambing itu mana yang patut harganya. Sudah itu, maka didenda sepuluh emas.

Dan jikalau ia mencuri itu di tengah padang atau di dalam hutan, itupun harga kambing itu dipintanya seperti ^Cadat harganya itu, maka dendanya lima emas. Adapun jikalau orang mencuri ayam dan itik di dalam rebannya, maka denda akan dia lima emas. Dan jikalau ia ^Cabdi yang mencuri itu, maka tuannya memberi ganti pada hukum kanun. Adapun pada hukum Allah orang yang mencuri kerbau lembu dan kambing itu di dalam kandangnya itu sekadar memberi harganya itu juga, hanya tiadalah didendanya lagi atasnya, sehingga memberi ganti.

Itulah hukum Allah dihukumkan oleh segala manusia.pada segala negeri dan dusun dan anak sungai teluk rantau. Demikianlah adatnya.

12.1 Fasal yang keduabelas pada menyatakan hukum segala orang yang menawar anak isteri orang. Adapun jikalau ditawarkan oleh seorang laki-laki isteri orang, maka tahu lakinya, maka diberinya oleh lakinya tahu kepada hakim, maka disuruh oleh hakim menyembah lakinya itu di hadapan majelis orang banyak. Jikalau tiada ia mau menyembah, didenda ia sepuluh tahlil sepaha, hukumnya itu melainkan tilik hakim juga lagi akan dia. Jikalau dibunuh oleh lakinya, didenda yang membunuh itu lima tahlil sepaha, kerana ia menawar juga tiada harus dibunuh lagi melainkan yang dapat membunuh itu orang besar-besar juga.

Adapun jikalau orang menawar anak orang, maka tahu bapanya, harus ia didenda oleh hakim dua tahlil sepaha. Jikalau patut duduk, hendaklah didudukkan minta belanjanya sepenuhnya, itulah hukumnya.

Adapun jikalau menawar hamba orang, didendanya lima emas; itupun jikalau tiada dengan perbuatan zina (h) dengan dia. Dan apabila diambil daranya ^cabdi orang itu, maka didenda akan dia sepuluh emas.

12.2 Demikian tiada dapat ia menangkap orang, maka lalu diwati'nya perempuan itu, pun sepuluh emas didendanya, kerana

menggagahi orang. Demikianlah hukumnya atas pihak kanun hukumnya.

Adapun tiada dapat ia menangkap dan menggagahi orang. Jikalau ada orang merdehika yang ditangkapnya itu, maka lalu diwati diwati'nya perempuan itu, maka diberinya tahu kepada hakim, maka dipanggil oleh hakim, disuruh kahwin^{kan}. Jikalau tiada ia mau kahwin, didenda tiga tahlil sepaha dengan isi kahwinnya^c adat hamba raja. Adapun pada hukum Allah, jikalau ia muhsan, direjam. Adapun arti muhsan^c itu perempuan yang berlaki; jikalau laki-laki, yang ada beristeri, itulah arti muhsan. Jikalau ghair muhsan, dipalu delapan puluh palu dengan hukum dera. Itulah hukumnya dengan tiada bersalahan lagi.

12.3 Adapun akan hukum orang yang menuduh orang zinah itu, pada hukum Allah didera delapan puluh kali deranya. Jikalau pada hukum kanun didenda sepuluh tahlil. Jikalau yang dituduh itu^c abdi, didenda dua tahlil sepaha atau setengah harganya. Jikalau ada sungguh tuduhnya itu, suatupun tiada lagi hukumnya atas yang menuduh itu. Demikianlah menuduh anak hamba orang zinah itu setengah harga juga dendanya.

13.1 Fasal yang ketiga belas pada menyatakan hukum orang lari dan orang yang menyembunyikan hamba orang. Adapun segala hamba orang lari dan meninggal itu sekaliannya pada syahbandar. Adapun jikalau orang ke laut larinya lalu ke negeri orang tiadalah timbul lagi melainkan dengan syafa^cat segala orang besar-

besar di dalam negeri itu juga lagi akan dia. Adapun jikalau lari kepada anak sungai, jauh daripada negeri kira-kira dua atau sehari pelayaran, dibahagi tiga, dua bahagi akan tuannya, sebahagi akan penghulu anak sungai itu. Adapun jikalau hingga kuala daripada negeri itu, tiga emas tebusnya. Adapun jikalau lari dari dalam kota keluar kota seemas tebusnya. Dan jikalau lari dari luar kota ke dalam kota, dua kupang tebusnya. Demikianlah ^cadatnya.

13.2 Adapun hukum orang mencuri dengan orang dan menyembunyikan dengan orang: jikalau didapati di dalam rumahnya itu, dirampas rumah tangganya itu. Adapun jikalau tiada dapat di dalam rumahnya, maka dapat dibunyikannya di dalam hutan atau di dalam perahu orang, didenda lima tahlil. Jikalau ada iaitu ^cabdi orang, ulur kepada yang empunya dengan itu, kerana jikalau mau, tuannya itu menebus dia lagi.

13.3 Adapun hukum orang yang sekutu itu, hukumnya mencuri juga. Dan hukum orang berjual titah itu dibunuh atau dibelah lidahnya atau dikupas kulit kepalanya.

Adapun hukum orang berdusta kepada bendahara itu, dicoreng mukanya atau didenda dua tahlil. Adapun jikalau orang berjual kata orang besar-besar atau syahbandar didenda setahlil sepaha atau disuruh maki di hadapan orang banyak. Jikalau dia melawan, dibunuh kerana orang besar-besar itu meneguhi kerajaan duli yang dipertuan.